

## FAKTOR BERLAKUNYA PENDEREAAN

- Perbalahan Keluarga
- Masalah Kewangan
- Ibu Bapa Panas Baran
- Masalah Penagihan Dadah dan Arak
- Masalah Rumahtangga
- Anak tak sah taraf
- Gila Seks
- Kanak-kanak merupakan anak tiri / anak angkat
- Bayi / kanak-kanak cacat
- Kanak-kanak hyperaktif

## SAYANGI KANAK-KANAK, JAUHI PENDEREAAN

- Semua pihak perlu memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran tentang isu penderaan kanak-kanak.
- Mempertingkatkan pemerkasaan undang-undang yang sewajarnya kepada individu yang melakukan penderaan kepada kanak-kanak.
- Memberikan perlindungan dan penghormatan termasuk di rumah, di sekolah, di hospital, tempat asuhan anak-anak dan lain-lain.
- Setiap individu perlu mewujudkan suasana dalam komuniti yang aman dan harmoni.

## DIDIKLAH ANAK-ANAK DENGAN KASIH SAYANG

- Kesalahan anak hendaklah ditangani dengan sikap lemah lembut dan belas kasihan.
- Tidak memukul anak dari bahagian lutut ke atas. Pukulan itu perlulah bersifat ta'dib (memberi pendidikan) bukannya ta'qib (memberi hukuman dan seksaan).

**Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :**  
*"Apabila salah seorang daripada kamu bergaduh maka hendaklah dia menjauhi (dari memukul) muka".*  
(Hadis Riwayat Muslim)

- Ajarkan anak solat

**Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :**  
*"Perintahkanlah anak-anak kalian untuk mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka (jika mereka tidak mahu melaksanakannya) ketika mereka berumur sepuluh tahun . Dan pisahkanlah tempat tidur di antara mereka."*

(Hadis Riwayat Abu Daud)

- Jadilah contoh tauladan yang baik

Anak-anak cenderung meniru perilaku ibu bapa, justeru penting untuk ibu bapa menunjukkan akhlak mulia dan patuh kepada ajaran agama kepada anak-anak. Sebagai contoh, memberikan nama panggilan yang baik, memeluk anak setiap hari dan memberikan pandangan kasih sayang terhadap anak-anak.



## KATAKAN TIDAK PADA PENDEREAAN



JABATAN HAL EHWAH AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

(BAHAGIAN PENGUASAAN)

Pusat Dakwah Islamiah, Jalan Paroi Senawang,  
70400 Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06-6771890 / 1891 | Fax: 06-6771802

email: pkuasaan.jheains@ns.gov.my

## PENDEREAAN

Satu perbuatan zalim yang dilakukan kepada golongan kanak - kanak dan biasanya ditakrifkan kepada mereka yang berusia kurang daripada 18 tahun. Penderaan boleh dikategorikan kepada penderaan fizikal , emosi , seksual dan pengabaian.

## HUKUM PENDEREAAN

Islam melarang penderaan kerana ia bertentangan dengan nilai kemanusiaan seseorang.

Firman Allah SWT yang bermaksud :

*"Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar"*

(Surah al-Isra' 17:31)"

## JENIS-JENIS PENDEREAAN KANAK-KANAK

### PENDEREAAN EMOSI

Apabila seseorang kanak - kanak dicederakan dari segi emosi dan menyebabkan gangguan yang boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak.

Contoh: mengaibkan atau mengkritik kanak-kanak, mengugut, menjerit kepada kanak-kanak atau memanggil mereka dengan nama yang tidak baik.

### PENDEREAAN FIZIKAL

Apabila kanak-kanak dicederakan secara sengaja atau tanpa niat.

Contoh : menendang , menumbuk , mencekik dan memukul.

### PENDEREAAN SEKSUAL

Apabila seseorang kanak-kanak teraniaya dan menjadi mangsa dari segi aktiviti seks.

Contoh: kanak-kanak dipaksa memuaskan nafsu seks seseorang atau dipengaruhi dengan bahan-bahan lucah dan aktiviti seks bebas.

### PENGABAIAN

Apabila kegagalan untuk menyediakan keperluan asas fizikal , emosi dan pembangunan dari segi kesihatan, pendidikan, dan tempat perlindungan. Contoh : membiarkan anak - anak terdedah kepada persekitaran yang tidak selamat.

## KESAN PENDEREAAN KANAK-KANAK

### KESAN PSIKOLOGI

- Percubaan membunuh diri
- Kegelisahan
- Kemurungan
- Menyendiri (malu, tidak selesa atau takut untuk berinteraksi dengan orang lain)
- Gangguan makan dan tidur (hilang selera makan atau sukar tidur)
- Gangguan terhadap pembelajaran (hilang minat atau tidak dapat menumpukan perhatian)
- Bertindak mencederakan diri sendiri
- Trauma

### KESAN FIZIKAL

- Lebam, bengkak
- Terseliuh atau keretakan
- Terbakar
- Kesukaran untuk duduk atau berjalan
- Kesakitan, lebam atau pendarahan pada bahagian sulit
- Penyakit kelamin
- Masalah kebersihan diri

